

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Selasa, 7 Julai 2020 1:49 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Lembaga Pengarah Universiti Main Peranan Martabatkan UUM



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

7 JULAI 2020 / 15 ZULKAEDAH 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI MAIN PERANAN MARTABATKAN UUM



UUM ONLINE: Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Utara Malaysia (UUM) akan berganding bahu agar dapat memartabatkan universiti ini di persada yang lebih tinggi.

Pengerusi LPU, Tan Sri Dr. Mohd Shukor Mahfar berkata, bagi merealisasikan hasrat tersebut, beliau berharap Lembaga Pengarah Universiti akan mendapat kerjasama daripada semua pihak.

Menurutnya, beliau menitikberatkan aspek *branding* yang mana strategi pemasaran memainkan peranan penting untuk membolehkan UUM ini terus dikenali.

"*Branding is very important*. Pemasaran harus lebih agresif seperti mencari ikon yang menjadi kebanggaan orang lain untuk bersama-sama membantu menaikkan imej dan nama UUM.

"Selain itu, dengan adanya Ahli LPU yang bukan calang-calang orang, antaranya adalah wakil dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kewangan yang mana secara tidak langsung memberi nilai tambah kepada universiti untuk membantu melonjakkan UUM," katanya sempena Lawatan Kerja dan Discover UUM di Bilik Mesyuarat Senat, semalam.

Tambahnya, LPU juga akan membantu universiti untuk mengadakan kolaborasi dengan industri, di samping kerjasama dengan universiti-universiti lain, bukan hanya universiti awam malah universiti swasta.

Sehubungan itu, beliau berharap warga UUM akan bekerjasama dengan LPU bagi memastikan UUM berada di landasan yang betul.

Pada masa sama, Tan Sri Dr. Mohd Shukor melahirkan rasa bangga melihat peningkatan peratusan kebolehpasaran graduan (GE) antara yang tertinggi dalam kalangan universiti awam lain serta memuji tindakan pantas UUM dalam menghadapi pandemik Covid-19 seperti pelaksanaan *online learning* dan mengaplikasikan teknologi dalam urusan di dalam kampus.

"Tiada siapa yang terfikir Covid-19 akan berlaku sehingga menyebabkan seluruh dunia terkesan termasuk UUM yang dalam persediaan untuk Pelan Strategik Fasa 3.

"Saya juga khuatir kesan pandemik ini akan menjejaskan kewangan universiti, justeru kita akan ikhtiar untuk mengelak defisit dengan mengambil langkah penjimatan sewajarnya," katanya yang turut mengucapkan tahniah di atas pencapaian dan inisiatif UUM seperti peningkatan kedudukan ranking yang boleh dijadikan sebagai penanda aras universiti.

Pada sesi lawatan itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani telah membentangkan taklimat universiti yang meliputi statistik staf, statistik pelajar dan perancangan untuk melantik tenaga pengajar dari Australia untuk mengajar Bahasa Inggeris dan berkongsi pengalaman dengan pelajar UUM dalam usaha universiti menuju era global.

Selain itu, beliau juga menerangkan tentang pencapaian Pelan Strategik UUM bermula dari Fasa 1 (2011-2015), Fasa 2 (2016-2020) dan seterusnya Fasa 3 (2021-2025) yang akan bermula tidak lama lagi.

Beliau berkata, sebanyak dua teras penting akan ditambah lagi dari empat teras sedia ada yang akan membantu untuk melonjak UUM ke era lebih cemerlang.

"Peningkatan ranking juga bukan sesuatu yang mudah untuk bersaing dengan universiti terbaik dunia berusia 50 tahun ke bawah, namun dalam kita mengejar ranking, UUM tidak melupakan agenda masyarakat terutama apabila negara berdepan pandemik Covid-19.

"Pelbagai inisiatif telah diambil seperti Tabung Khas Covid-19 dan juga penawaran geran penyelidikan ResQ-Covid-19 yang memfokuskan kepada bidang keselamatan makanan dan pengangkutan," katanya.

Naib Canselor turut menerangkan tentang pencapaian penerbitan dalam SCOPUS dan sitasi yang semakin meningkat dengan adanya penglibatan pensyarah muda sehingga ia menunjukkan pencapaian ketara.

Di samping itu, UUM juga sedang merangka untuk membantu meringankan beban pelajar dari golongan B40 dengan menyediakan 200 komputer riba sebelum kemasukan baharu yang dijangkakan pada Oktober nanti.

Pada lawatan itu juga, Naib Canselor menerangkan tentang hasrat UUM menubuhkan Pusat Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) seperti yang dizahirkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Kedah.

Katanya, UUM tidak menghadapi masalah untuk menubuhkan Pusat STEM kerana universiti ini mempunyai jumlah pakar yang besar dan mencukupi dalam bidang berkenaan, seterusnya membolehkan Pusat STEM itu ditubuhkan.

Turut membuat pembentangan ialah Pemangku Bendahari, Eylani Ahmad tentang Kelestarian Kewangan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan UMHSB, Rodzi Lebai Karim.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.